


ara baca
teater
objek ini
adakan di
BP.
an awal
silkan
tiah

aya hanya
ahun
a langsung
enyunting
tevisyen
di TV3.
saya
filem
anel
Pendang
Baginda
ng akhir
lam
idman
agai
uga
kripnya.
pada
di DBP
ta untuk
berselerak
mbukukan.
in *Garis*
ulan ini
tujuh
eraikan
tiah
010/2011.
tan" yang
stera
erpen

ni
g penulis
menulis
nya.
yang
ta
nya boleh
awanya"

SASTERA MEMPERKUKUH JATI DIRI

Dunia kesusasteraan, akademik dan persatuan bukanlah suatu yang asing bagi Tan Sri Profesor Dr. Abdul Latiff Abu Bakar. Anak kelahiran Melaka ini dibesarkan oleh lunak dan indah pantun Melayu, seterusnya bergelumang dengan pelbagai kertas kajian dan jurnal akademik hingga berjaya menjawat pelbagai jawatan di institusi pengajian tinggi tempatan, serta tekal membimbing dan mengepalai pelbagai persatuan di Malaysia.



Mantan Ketua 1 Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) ini pernah berkhidmat sebagai Ketua Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya (UM) pada tahun 1987 hingga tahun 2002, Pengarah Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (2013 - 2015), Ketua Kluster Warisan dan Peradaban, Universiti Malaysia Kelantan (2015 - 2016) dan terkini merupakan Ketua Sekolah Pengajian Warisan dan Peradaban, Universiti Islam Malaysia Cyberjaya sejak tahun 2016.

Buku terbaru beliau yang berjudul *Anak Jati: Antologi Puisi Autobiografi* telah pun dilancarkan pada 2 Mei 2018 di Balai Adat, Perkampungan Hang Tuah, Duyong, Melaka. Sebanyak 123 buah puisi pelbagai bentuk seperti seloka, nazam, pantun, dan sajak menghimpunkan pengalaman, pemerhatian, penilaian dan perjuangan beliau terutama yang berkaitan dengan jati diri dan peradaban Melayu terkandung dalam buku ini. Ikuti pandangan beliau terhadap sastera, pendidikan, dan persatuan serta harapan beliau untuk memperkukuh jati diri dan peradaban bangsa Malaysia melalui karya sastera.

Bolehkah Tan Sri ceritakan serba sedikit tentang latar belakang Tan Sri?

Saya dilahirkan pada 1 November 1952 di Bandar Hilir, Melaka. Saya mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Ujong Pasir dari tahun 1959 hingga tahun 1964 dan kemudiannya meneruskan pelajaran menengah di Sekolah Menengah Tun Mutahir, Batu Berendam (dahulu Anglo Chinese School) pada tahun 1965 hingga tahun 1967. Setelah lulus Sijil Rendah Pelajaran pada tahun 1967, saya meneruskan pelajaran di Sekolah Menengah Munshi Abdullah, Batu Berendam pada tahun 1968 hingga tahun 1971. Setelah mendapat kelulusan baik dalam Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, saya melanjutkan pengajian di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Sejarah (Jurusan Nasionalisme)

pada tahun 1975. Kemudiannya, meneruskan pelajaran dan memperoleh Ijazah Sarjana pada tahun 1980 serta Ijazah Doktor Falsafah pada tahun 1997 di Universiti Malaya.

Kerjaya saya bermula sebagai tutor (1975), kemudian pensyarah (1980) dan Profesor Madya (1989) sehingga dilantik sebagai Profesor (2001) di Universiti Malaya. Saya juga bergiat aktif dalam persatuan, antaranya menjadi Ketua 1 Lembaga Bahasa Melayu Melaka, pernah dipilih sebagai Ketua 2 (1992) dan Ketua 1 (2011-2016) Gabungan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (GAPENA) dan pernah dilantik menjadi Naib Pengerusi Persatuan Kelab-kelab Belia Malaysia (MAYC) negeri Melaka dan Malaysia. Saya berpengalaman menjadi Ahli Lembaga Perbadanan Muzium Melaka, Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Perpustakaan Melaka, Ahli Lembaga Pengarah Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia dan Pengerusi Institut Seni Malaysia Melaka (ISMMA). Pada peringkat persekutuan saya pernah dilantik sebagai Jawatankuasa Penasihat Kebudayaan, dan Jawatankuasa Pemantauan Bahasa Kebangsaan (bawah Timbalan Perdana Menteri). Sekarang dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mempengerusikan Jawatankuasa Sastera DBP. Saya juga bergiat dalam Yayasan Warisan Negara dan Jabatan Warisan Negara. Saya masih bertugas sebagai Profesor Kanan dan pengetuai Sekolah Pengajian Warisan dan Peradaban, Universiti Islam Malaysia, Cyberjaya setelah berkhidmat di Universiti Malaya, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaysia Kelantan.

Bagaimanakah Tan Sri mula tertibat dengan dunia kesusasteraan Melayu?

Sebagai anak kampung di Bandar Hilir Melaka, saya dididik dengan cara dan adat orang Melayu. Bapa dan datuk saya dipilih sebagai ketua kampung (sidang) sentiasa menghayati seni budaya Melayu dan nenek saya pandai berpantun. Ketika di sekolah menengah saya mengambil subjek sastera dari tingkatan empat hingga tingkatan

enam. Pendedahan inilah yang memberi dorongan dan semangat serta menyebabkan saya bercita-cita tinggi melibatkan diri dalam dunia sastera sehingga kini.

Selain itu subjek sejarah juga menjadi pendorong kepada dunia sastera selain keunikan sejarah negeri Melaka. Ketika alam persekolahan, saya sangat meminati aktiviti bersyair, bernazam, berbalas pantun dan pernah mewakili sekolah untuk aktiviti ini. Setelah melanjutkan pelajaran ke universiti, saya memilih subjek Sejarah dan menggunakan sumber sastera sebagai kajian dalam pembelajaran saya. Mahaguru saya ialah Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dr. Khoo Kay Kim yang mendorong saya supaya mengkaji sejarah patriotik Malaysia menggunakan sumber sastera tempatan, antaranya termasuklah karya Ishak Haji Muhammad, Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaakob, Kris Mas dan Tongkat Warant. Saya juga mendapat sokongan Prof. Emeritus Tan Sri Ismail Hussein sehingga membawa saya melibatkan diri dalam GAPENA. Melalui GAPENA, kami berusaha memartabatkan bahasa dan sastera Melayu dengan menjayakan pelbagai kegiatan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, yang dijalankan oleh Tan Sri Ismail Hussein ketika saya menjawat jawatan Ketua 1 GAPENA.

Apakah tema yang sering Tan Sri tonjolkan dalam setiap penulisan Tan Sri dan kenapa Tan Sri memilih tema tersebut?

Tema yang sering saya utarakan dalam penulisan ialah berteraskan sejarah patriotisme dan jati diri Melayu berdasarkan *Malaysian Centric*. Saya bermula dengan sejarah nasionalisme, dan membuat kajian tentang sastera yang berkaitan dengan jati diri dan patriotisme kebangsaan. Saya pernah digelar sebagai "kutu arkeb" kerana kerap membuat kajian arkeb di Petaling Jaya dan DBP untuk mencari bahan kajian tentang tokoh nasionalis termasuklah Ishak Haji Muhammad, Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaakob, Harun Aminurrashid dan lain-lain lagi. Saya banyak menulis dalam bentuk esei dan monograf dan telah

menghasilkan 40 buah buku serta ratusan artikel. Selain itu, saya juga menulis puisi, tetapi sebagai simpanan sahaja. Penglibatan dalam penyelidikan dan GAPENA mendorong saya menulis 123 buah puisi dan diabdikan dalam buku *Anak Jati Antologi Puisi Autobiografi* pada tahun 2017 yang diwakafkan kepada Lembaga Bahasa Melayu Melaka.

Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa kemajuan sains dan teknologi telah memalapkan dunia sastera.

Bagaimanakah Tan Sri melihat senario ini?

Saya kurang bersetuju dengan kenyataan bahawa kemajuan sains dan teknologi telah memalapkan dunia sastera, sebaliknya kita wajar memperkasakan Sains, Teknologi dan Sastera secara seiring dalam usaha pembinaan peradaban bangsa. Dewasa ini, pelajar Melayu dan bumiputera yang layak melanjutkan pelajaran dalam bidang sains semakin berkurangan. Kerajaan haruslah memainkan peranan yang lebih serius dalam usaha melahirkan pelajar dalam bidang sains dan teknologi melalui pemerksaan sekolah aliran sains yang didedahkan dengan subjek sastera.

Selain itu, dunia sastera juga menghadapi masalah, iaitu para pelajar kurang meminati bidang sastera. Kerajaan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia telah meletakkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan (*Engineering*) dan Matematik (STEM) sebagai agenda yang penting dalam transformasi pendidikan untuk memajukan bidang sains dan teknologi. Namun begitu, kerajaan perlu seimbangkan subjek ini dengan unsur kemanusiaan, melalui subjek kesusasteraan Melayu. Dalam konteks peradaban, kita dapat melahirkan saintis berinovatif dan berkemampuan yang mempunyai kekuatan jati diri dan patriotisme seperti yang diamalkan di Barat dan Jepun berdasarkan gagasan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Sastera (Art) dan Matematik (STEAM). Manakala Bahasa dan Kesusasteraan Melayu wajar menjadi subjek utama pendidikan di tanah air kita. Hal yang demikian ini boleh dilaksanakan melalui

pelbagai kaedah yang boleh membina semangat bagi memartabatkan peradaban bangsa melalui gagasan STEAM.

Bagaimanakah Tan Sri melihat sastera dalam konteks pendidikan sekarang?

Pada tahun 1970-an, subjek Sastera hanya dilihat sebagai subjek sampingan. Pelajar jurusan Sains hanya mempelajari subjek Sains sementara pelajar sastera diberikan pilihan untuk mengambil atau tidak mengambil subjek Sastera. Pada tahun 2000 barulah kerajaan membuat perubahan kepada subjek Bahasa Melayu (BM), iaitu dengan memperkenalkan Komponen Sastera (KOMSAS) pada subjek BM. Secara tidak langsung, semua pelajar, iaitu pelajar Sains atau Sastera terpaksa mempelajari Kesusasteraan Melayu kerana KOMSAS merupakan subjek wajib lulus peperiksaan. Saya berpendapat KOMSAS sangat baik, namun kerajaan perlu menambahkan lagi subjek ini supaya dapat menarik minat pelajar untuk menghayati nilai kemanusiaan, jati diri dan semangat patriotik. Kerajaan seharusnya memperkasakan ujian Bahasa Melayu dengan mewajibkan subjek Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar, manakala subjek Kesusasteraan Melayu menjadi subjek wajib dalam sistem pendidikan negara.


Pada pandangan Tan Sri, apakah penggiat sastera perlu terlibat dalam politik atau membebaskan dirinya daripada politik?

Saya berpandangan bahawa semua orang perlu mengikuti perkembangan politik di negara kita dan penggiat sastera boleh bebas untuk terlibat atau tidak terlibat dalam arena politik. Penggiat sastera boleh memilih untuk aktif berpolitik, tetapi jangan biarkan politik menguasai kita sebaliknya kita hendaklah bijaksana dan berfikir memilih parti dan tidak menjadi pak turut. Penggiat sastera boleh menegur pemimpin dan parti politik sebagai penasihat yang baik demi membina negara bangsa Malaysia yang bersatu, aman dan makmur. Penyatuan kebangsaan ialah perjuangan warga Malaysia bagi membina peradaban Malaysia berteraskan peradaban Melayu.

Selaku Ahli Lembaga Pengelola DBP, apakah yang boleh dilakukan oleh DBP dalam usaha mencapai visi DBP iaitu "Bahasa Melayu Salah Satu Bahasa Utama Dunia".

Saya sering mendengar rungutan masyarakat tentang peranan DBP dalam usaha memajukan bahasa dan sastera Melayu. Saya agak terkilan dengan pandangan masyarakat luar tentang peranan DBP kerana pihak DBP merupakan salah satu agensi kerajaan yang melakukan kerja mengikut peraturan dan undang-undang negara menerusi Akta DBP 1959. Sehingga kini, DBP hanya memantau dan menegur kesalahan bahasa di samping berusaha memartabatkan bahasa dan sastera Melayu. Saya berpandangan DBP perlu diberi kuasa undang-undang bagi menjalankan penguatkuasaan bahasa dan boleh menghukum pesalah bahasa. Kerjasama DBP dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi melaksanakan peraturan penyiaran iklan dan papan tanda wajar diperkasakan. Sikap rakyat yang tidak menghormati dan menghayati bahasa Melayu juga merencatkan peranan DBP. Bahasa Melayu dianggap tidak bersifat komersial. DBP perlu terus berjuang supaya diberikan tanggungjawab penguatkuasaan bahasa melalui peruntukan undang-undang. DBP juga hendaklah menjadi juara dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu dengan merancang pelbagai program bagi memperkasakan bahasa Melayu di seluruh dunia melalui peruntukan kewangan yang mencukupi oleh kerajaan.

Sepanjang penglibatan Tan Sri bersama-sama GAPENA, bagaimanakah Tan Sri melihat peranan persatuan untuk memajukan bahasa, kesusasteraan dan



kebudayaan Melayu pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

Sepanjang penglibatan saya bersama-sama GAPENA, ketika dilantik sebagai AJK (1984), Ketua 2 (1992-2011) dan Ketua 1 (2011-2016), kami sentiasa berjuang memartabatkan bahasa dan sastera di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kami memberikan tumpuan kepada pihak yang berada di peringkat atasan dan kerajaan, antaranya pada peringkat pelaksanaan dan menganjurkan pelbagai seminar bagi membina gagasan dan resolusi tentang pemartabatan bahasa dan sastera.

Dewasa ini, saya amat tertarik dengan kelompok PATRIOT iaitu generasi muda yang menyampaikan mesej tentang kecintaan negara dan tanah air melalui pelbagai disiplin. Aktiviti PATRIOT ini perlu diteruskan dan disokong terutama oleh DBP dan pertubuhan lain yang memperjuangkan jati diri dan patriotisme.

Saya berharap persatuan penulis dan GAPENA serta penggiat seni budaya terus membimbing golongan muda dan yang berminat agar dapat menghasilkan karya yang bermutu dan dapat membina masyarakat yang menghayati sastera dan seni budaya Melayu. Pengalaman saya menganjurkan Perkampungan Penulis GAPENA dan sayembara penulisan dan deklamasi puisi kebangsaan boleh menjadi contoh yang baik dalam usaha memartabatkan dunia sastera di tanah air dan rumpun Melayu.

Kerajaan baharu sudah dibentuk, apakah pandangan dan harapan Tan Sri kepada "Malaysia Baharu" dalam usaha memajukan bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Melayu pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa?

Saya berpandangan kerajaan baharu perlu menghormati sejarah dan menjalankan pemerintahan berlandaskan perlembagaan, enakmen, akta dan undang-undang serta Rukun Negara. Malaysia baharu menginginkan perpaduan, keamanan dan ketelusan. Slogan Tun Mahathir iaitu "Bersih, Cekap dan Amanah" amat saya kagumi dan harus dipraktikkan oleh kerajaan baharu.



Dalam usaha memajukan negara, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan perlu melihat semula dasar pendidikan negara agar usaha memperkasakan dan memartabatkan sejarah, bahasa, sastera dan budaya demi membina negara bangsa Malaysia yang bersatu padu melalui gagasan Penyatupaduan Kebangsaan dipertingkatkan. Saya berharap kerajaan baharu perlu menghormati Institusi Raja Melayu, dasar-dasar kebangsaan dan hak istimewa Bumiputera serta bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan pengantar utama dalam sistem pendidikan kebangsaan. Pastikan warganegara Malaysia mempunyai kekuatan jati diri dan patriotisme serta menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Kerajaan harus fokus kepada usaha memartabatkan dasar pendidikan kebangsaan yang mementingkan ketinggian ilmu, dan memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan perpaduan dalam pembinaan negara bangsa Malaysia yang kukuh. Kerajaan harus berhati-hati dan menolak usaha Pertubuhan Persekutuan Persatuan-persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) yang menentui pengiktirafan Sijil Pendidikan Bersepadu (UEC) yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar utama. Saya bersetuju dan menyokong dasar perjuangan YB Dr. Maszlee Malik, Menteri Pendidikan Malaysia yang memberikan perhatian kepada kekuatan jati diri dan patriotisme negara dalam kalangan pelajar dan warga Malaysia.

Bagaimanakah Tan Sri melihat jati diri dan patriotisme rakyat Malaysia pada masa kini, dan bagaimanakah perkara ini boleh menjadi teras kepada peradaban Malaysia?

Kita perlu menguar-uarkan slogan Malaysia yang bertamadun, dan terus memartabatkan peradaban Malaysia berteraskan peradaban Melayu iaitu memperkasakan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan (lingua franca) serta menghormati agama Islam sebagai agama persekutuan. Untuk mewujudkan jati diri dan patriotisme Malaysia, semua bangsa perlu bersatu padu tanpa ada perasaan hasad dengki, cemburu dan sebagainya demi keamanan dan kestabilan negara tercinta. Rakyat Malaysia perlu peka terhadap sejarah Perlembagaan Malaysia dan Rukun Negara demi menjamin pembinaan jati diri dan patriotisme rakyat dalam negara yang diperintah secara demokrasi dan Raja berperlembagaan. Hormatilah warisan negara Malaysia yang bertamadun dan Institusi Raja terutamanya Yang Dipertuan Agong sebagai Ketua Negara Malaysia.

Apakah harapan dan pesan Tan Sri kepada semua rakyat Malaysia sama ada penggiat bahasa, sastera dan orang kebanyakan dalam usaha memajukan

bahasa, kesusasteraan dan kebudayaan Malaysia.

Saya menyeru semua pemimpin kerajaan baharu agar terus memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara. Rakyat Malaysia perlu menanamkan sifat hormat kepada bahasa Melayu dengan berusaha menambahkan ilmu dan menguasai bahasa Melayu dengan baik. Bahasa asing boleh diamalkan tetapi sebagai rakyat yang setia kepada negara Malaysia, kita mestilah menghormati dan memberi keutamaan kepada bahasa Melayu dalam semua-perkara. Kita boleh mengambil contoh negara Eropah, Indonesia, China, Jepun, Korea dan lain-lain negara yang memartabatkan bahasa kebangsaan mereka. Kita perlu memperkasakan sistem pendidikan kebangsaan bagi membina negara bangsa Malaysia yang aman dan makmur.

Saya berharap DBP diberikan kuasa penguatkuasaan dan peranan bahasa dipertingkatkan demi membina negara bangsa Malaysia yang mempunyai kekuatan jati diri dan semangat patriotisme. Sebagai warganegara yang setia, kita hendaklah menghayati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan setiap warganegara perlu saling menghormati, manakala institusi Raja-raja Melayu terus didaulatkan. Penyatuan perpaduan kebangsaan wajib dipertingkatkan dalam usaha kita membina dan terus mewarisi peradaban Malaysia yang berteraskan peradaban Melayu. Apabila kita meneroka ilmu Sains dan Teknologi serta Sains Sosial - Sastera, pastikan bahasa Melayu digunakan dan dimartabatkan, manakala bahasa asing boleh diperkuat. Saya berdoa agar kerajaan baharu yang memerintah negara ini dapat melahirkan masyarakat Malaysia yang bertamadun, sejahtera, aman dan makmur di bawah gagasan Penyatupaduan Kebangsaan Malaysia tercinta. Sudah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa menanamkan semangat jati diri dan patriotisme Malaysia sebagai sebuah negara bangsa Malaysia yang bermaruah dan bertamadun. 🇲🇾

Anugerah yang diterima

- 1993 Bintang Cemerlang Melaka BCM)
- 1995 Darjah Mulia Sri Melaka (gelaran Datuk)
- 2012 Darjah Cemerlang Sri Melaka (gelaran Datuk Wira)
- 2003 Tokoh Maal Hijrah Melaka
- 2008 Tokoh Penggerak Budaya Melaka
- 2013 Anugerah Perdana Tun Seri Lanang (Tokoh Akademik, Buku Negara)
- 2005 Anugerah Kepimpinan Adat dan Budaya Melayu (DMDI)
- 2007 Anugerah Kepimpinan Hang Tuah (DMDI)
- 2007 Anugerah Tokoh Pendidik dan Budaya (Universiti Soka Gakai, Tokyo)
- 2008 Anugerah Kepimpinan Budaya Serumpun (Walikota Pekan Baru)
- 2008 Anugerah Kepimpinan Adat dan Budaya Aceh (DMDI Aceh)
- 2008 Anugerah SAGANG Budayawan Serumpun di Riau Pos/Provinsi Riau
- 2010 Anugerah Kepimpinan Budaya Serumpun, Majlis Pusat Singapura
- 2010 Anugerah Datuk Wira Bikarma Perkasa dari Provinsi Bangka-Belitung
- 2013 Anugerah Dato' Perdana Setia Mahkota Kesultanan Riau-Lingga
- 2015 Kepimpinan Temenggong Tun Hassan (DMDI)
- 2016 Anugerah Darjah Panglima Setia Mahkota (gelaran TAN SRI)



1. Bersama-sama Sasterawan Negara A. Samad Said dalam aktiviti sastera ketika menganggotai Jawatankuasa GAPENA.
2. Wawancara dalam satu rancangan televisyen di BERNAMA bersama-sama Profesor Dr. Abu Hassan Hasbullah (Hassan Hayastani).
3. Bersama-sama Raja Abdul Rahman, sarjana Belanda, dan Raja Abdul Malik, waris Raja Ali Haji di Kepulauan Riau, Indonesia.
4. Bersama-sama Tan Sri Abdul Rahman Mamat, mantan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Wira Ismail Salleh, mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka; dan Dato' Sri Haji Ibrahim Haji Jaapar, mantan Ketua Pengarah Kastam Malaysia.
5. Mesyuarat bersama-sama penghulu dan datuk sidang di Melaka membincangkan tentang adat Melayu Melaka.
6. Bersama-sama Tan Sri Ismail Hussein, Pak Daud dan Encik Mohd. Baharim Mohd. Sharif, tokoh dondang sayang Melaka.
7. Bicara buku karya Tun Sri Lanang bersama-sama pewaris Tun Sri Lanang di Jakarta, Indonesia.

